

2

Zika merebak ke Malaysia



KOSMO! AHAD 4 SEPTEMBER 2016

Lelaki berusia 61 tahun dikesan dijangkiti virus itu di Taman Public Jaya, Kota Kinabalu

Pesakit Zika meninggal dunia

Kosmo

4/9/16

m/s 2

Virus Zika mula serang Malaysia

Virus Zika yang telah menjadi pandemik di Singapura kini mula menyerang negara Malaysia. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Jie Lian, berkata, Selangor merupakan negeri pertama yang dijangkiti virus Zika di negara ini.

Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Jie Lian, Selangor merupakan negeri pertama yang dijangkiti virus Zika di negara ini. Beliau berkata, Selangor merupakan negeri pertama yang dijangkiti virus Zika di negara ini.

INFO **Kematian akibat Zika**

KERATAN Kosmo!
2 September 2016.

INFO Kematian akibat Zika

- Jumlah kematian disebabkan virus Zika di seluruh dunia sehingga kini mencatatkan sebanyak 12 orang
- Setakat ini, Singapura mencatatkan sebanyak 215 kes jangkitan Zika
- Virus Zika yang dibawa nyamuk Aedes telah merebak ke 57 buah negara seluruh dunia
- Orang ramai yang menghidap beberapa simptom lain seperti sakit kepala, ruam pada kulit, sakit sendi serta mata menjadi kemerahan diminta berjumpa dengan doktor

mengalami demam yang lebih teruk, sakit otot dan cirit-birit dan telah mendapatkan rawatan lanjut di Hospital Queen Elizabeth II. Tambahnya, pesakit itu turut menghidap tekanan darah tinggi, masalah pembuluh darah jantung, penyakit kronik buah pinggang, masalah batu karang dan gout.



PESAKIT berusia 61 tahun yang dijangkiti virus Zika meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu semalam.



“Keadaannya didapati agak serius ketika dirawat di Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital yang sama. “Keputusan ujian dari Makmal Kesihatan Awam hospital menunjukkan bahawa darah dan sampel air kencing pesakit didapati positif jangkitan Zika,” katanya. Berdasarkan penemuan

terbaharu itu, Kementerian Kesihatan telah memulakan aktiviti kawalan vektor di kawasan perumahan pesakit dan tempat-tempat lain yang dilawati mangsa. “Selain itu, hubungan dan kenalan rapat kepada pesakit akan diperiksa (bagi memastikan) sama ada mereka mempunyai demam atau gejala Zika lain,” ujarnya lagi.



ANGGOTA Jabatan Kesihatan melakukan semburan untuk menghapuskan nyamuk aedes di Taman Public Jaya, Likas semalam. Taman itu merupakan tempat tinggal seorang lelaki dijangkiti Zika.

KUALA LUMPUR – Seorang pesakit lelaki berusia 61 tahun yang dijangkiti virus Zika di Sabah meninggal dunia selepas mengalami masalah jantung di Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu semalam. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki itu merupakan mangsa pertama dijangkiti virus Zika di negara ini kerana dia tidak pernah ke luar negara dalam tempoh beberapa minggu lepas. “Ya, benar mangsa telah meninggal dunia, tetapi bukan disebabkan oleh Zika. Sebaliknya akibat jantungnya yang lemah. Mangsa sebelum ini dijadualkan menjalani pembedahan jantung pada bulan depan.” jelas Noor Hisham ketika dihubungi *Kosmo!* Ahad semalam. Ia merupakan kes kedua jangkitan Zika melibatkan rakyat Malaysia selepas seorang wanita dari Bandar Botanic, Klang, Selangor menjadi mangsa pertama virus berkenaan ketika pulang daripada melawat anaknya di Singapura. Noor Hisham berkata, pihaknya sedang menyiasat sejarah pesakit itu kerana besar kemungkinan mangsa digigit oleh nyamuk aedes yang dijangkiti Zika. Menurutnya, mangsa yang tinggal di Taman Public Jaya, Likas mula mengalami demam pada 27 Ogos lalu dan mendapatkan rawatan kali pertama di Klinik Kesihatan Luyang pada Selasa lalu. Beliau berkata, sehari kemudian, pesakit itu mula